

PLANET MASMED

NO. 02

OKTOBER 2023

UiTM CNS



ENCULTURE

ENGAGE

CREATE



**EXCELLENT
SYNERGY
INTEGRITY**

eISSN 2805-5535




9 772805 553005

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN PENGANTARAAN (E-HAILING) PILIHAN PEKERJAAN EKONOMI GIG

Faddliza Mohd Zaki
Pengajian Sains Maklumat

Perniagaan Pengantaraan (e-hailing) ialah satu perkhidmatan yang disediakan untuk menempah perkhidmatan pengangkutan awam melalui aplikasi elektronik (Kementerian Pengangkutan Malaysia, 2023). Berdasarkan ketetapan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), kenderaan e-hailing merupakan kenderaan motor yang muatan tempat duduknya empat (4) orang dan tidak lebih daripada sebelas (11) orang (termasuk pemandu) yang digunakan untuk membawa orang dalam mana-mana perjalanan yang dipermudah melalui suatu aplikasi elektronik mudah alih. E-hailing merupakan pekerjaan yang semakin mendapat perhatian dan popular di kalangan masyarakat kesan kegawatan ekonomi. Impak daripada fenomena wabak COVID-19 yang menyerang seluruh dunia beberapa tahun yang lepas, e-hailing menjadi salah satu pilihan pekerjaan rakyat Malaysia lebih-lebih lagi buat mereka yang kehilangan pekerjaan. Kini, belia yang celik teknologi cenderung untuk memilih e-hailing sebagai pekerjaan yang membantu penjana pendapatan untuk melangsungkan kehidupan. Berdasarkan statistik lesen pengendali & permit kenderaan APAD sehingga 30 April 2023, sebanyak 115,292 permit kenderaan e-hailing telah dikeluarkan (APAD, 2023). Persoalannya, adakah pekerjaan e-hailing relevan sebagai pekerjaan berjangka panjang?



Pelekat e-hailing yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

Tidak ramai yang cakna bahawa e-hailing bukan sahaja boleh diceburi secara bebas (*freelance*), tetapi juga boleh menjadi satu pekerjaan tetap. Banyak syarikat e-hailing yang telah dilesenkan APAD. Antaranya adalah syarikat AirAsia Ride, MyCar, Riding Pink, Grab, Maxim dan Kumpool. Masyarakat amat jelas pekerjaan e-hailing bukanlah pekerjaan yang memerlukan sijil dan

kemahiran profesional seperti bekerja sebagai pembangun laman web, pembangun aplikasi atau pereka grafik. Namun, memilih bekerja di bidang e-hailing lebih fleksibel dan tidak memerlukan persaingan mendapatkan ruang untuk terus memulakan kerja dan melangsungkan kehidupan. Bermodalkan kenderaan yang mengikut garis ketetapan APAD, lesen kenderaan dan permit yang sah serta peranti elektronik yang menyokong aplikasi syarikat pengendali perkhidmatan perniagaan pengantaraan, sesiapa sahaja boleh memilih untuk memulakan pekerjaan ini.

Kesimpulannya, ekonomi gig menawarkan kehidupan alternatif penjanaan ekonomi rakyat Malaysia. Namun, progres dalam kerjaya seseorang individu tetap penting untuk mengembangkan potensi diri. Pemilihan pekerjaan di bidang e-hailing secara bebas atau tetap bergantung kepada seseorang individu. Banyak syarikat e-hailing yang memberi kelebihan dan faedah kepada pekerja. Contohnya, syarikat AirAsia Ride yang memberi peluang kemajuan kerjaya kepada pekerja sepenuh masa AirAsia Ride dan jaminan pendapatan bulan yang melebihi gaji minimum yang ditetapkan kerajaan. Selain itu, syarikat ini memberi insentif tambahan kepada pekerjanya dan mereka berpeluang mendapat ganjaran baucer dan promosi syarikat penerbangan Air Asia.

Rujukan

Agensi Pengangkutan Awam Darat. (2023). **Portal Rasmi Agensi Pengangkutan Awam Darat**. <https://www.apad.gov.my>

Kementerian Pengangkutan Malaysia. (2023). **Perkhidmatan Perniagaan Pengantaraan (e-hailing)**. <https://www.mot.gov.my/my/land/infrastructure/e-hailing-services>